



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/5/2011

Termasuk majlis antarabangsa yang dianjurkan di negara masa hadapan - TPM

# Acara dalam bahasa Melayu



COPENHAGEN 10 Mei - Acara-acara antarabangsa yang dianjurkan di Malaysia mungkin akan dikendalikan dalam bahasa Melayu sepenuhnya pada masa akan datang, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, beliau tidak nampak pelaksanaannya akan mendatangkan masalah besar jika segala kemudahan dan logistik yang diperlukan seperti menyediakan penterjemah dapat dilakukan bagi mengelakkan sebarang masalah.

Sebagai contoh jelas beliau, Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono baru-baru ini menyampaikan ucapan dasar dalam bahasa Indonesia dan ia disiarkan oleh pihak media ke seluruh negara.

"Ia boleh dilakukan kerana di rantau ASEAN saja mungkin lebih separuh penduduk dapat memahami bahasa Indonesia dan bahasa Melayu.

"Begitupun jika ia hendak dilakukan, mesti ada persediaan seperti dari segi penterjemah dan sebagainya, itupun saya tidak fikir akan menjadi satu masalah besar," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Mengenai cadangan supaya Malaysia membantu menghantar tenaga pengajar untuk mengajar bahasa Melayu bagi anak-anak warga Malaysia yang berada di luar negara, Muhyiddin berkata, beliau akan meminta Ketua Pengarah Pe-



MUHYIDDIN Yassin berbincang dengan Menteri Pelajaran Denmark Troels Lund Poulsen (kanan) sempena Persidangan Menteri-Menteri Pelajaran Asia-Eropah (ASEMME) kali ketiga di Axelborg Hall di sini semalam. Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (kanan). - BERNAMA

lajaran dan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memikirkan pendekatan terbaik bagi melaksanakannya.

"Mungkin kita boleh memberikan kursus kepada bakal tenaga pengajar yang ada di sini sebagai

contoh dengan membawa mereka ke Malaysia atau kita menghantar tenaga pengajar Malaysia di kalangan guru mahir berbahasa Melayu ke sini," katanya.

Menurut Muhyiddin, beliau memahami kebimbangan warga Ma-

laysia di luar negara terhadap anak-anak mereka yang mungkin tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik apabila pulang ke tanah air kerana tidak berpeluang untuk mempelajari bahasa kebangsaan itu.

Sehubungan itu, jelas beliau, perkara tersebut akan dikaji terlebih dahulu bagi menentukan pendekatan yang paling sesuai untuk melaksanakannya dengan mengambil kira pelbagai aspek. - UTU-

SAN